

# Berita JMM

Newsletter of the Department of Museums Malaysia



JABATAN MUZIUM MALAYSIA  
DEPARTMENT OF MUSEUMS MALAYSIA

KEMENTERIAN PELANCONGAN  
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA  
MINISTRY OF TOURISM AND CULTURE

BERITA JMM JILID 24/BIL.1 ■ JAN - APR 2018

ISSN 2231 - 8321

**Pameran**  
**Kartun**  
**& kita**

**MENARIK DI DALAM**

- PERASMIAN PAMERAN KARTUN DAN KITA
- PAMERAN PEKING MAN
- IMPLIMENTASI KONSEP 'MACHINOEKI'  
PERTAMA DI MALAYSIA

ice stall  
fol waiting the 5  
ice-ball

# KANDUNGAN

ms 4

Editorial /  
Dari Meja Ketua Pengarah

CERITA MUKA DEPAN

ms 5

PAMERAN  
**KARTUN & KITA**

ms 7



Pameran Peking Man

Implimentasi  
Konsep 'Machinoeki'  
Pertama Di Malaysia

ms 9



ms 11

Arkeo Astronomi  
Kedah Tua

ms 11

ms 12

Asean Culture  
House, Busan

ms 14

PERTANDINGAN  
KUGIRAN

**Pop  
yeh yeh**



ms 15

ms 16 ALBUM JMM

Era Kegemilangan Muzik  
Pop Yeh Yeh: Kenangan & Harapan


**Bicara @Muzium**

### *Laporan Program*

**ms 18**

Eksplorasi Menelusuri  
Warisan Sejarah Lembah  
Bujang Siri 4 / 2018

**ms 19**

Kunjungan Penyelidik  
Rama-Rama ke  
Muzium Alam Semula Jadi

**ms 20**

Program Outreach  
Pameran Skeleton

**ms 21**

Program Outreach  
'Kenali Muzium' Siri I 2018

ms 22 BICARA TEKSTIL @ MUZIUM  
PAKAIAN TRADISIONAL  
JEPUN: KIMONO

**Kursus Pengurusan  
Projek Artifak Industri –  
Peringkat Lanjutan**

**ms 23**

ms 24 INSTITUSI PERMUZIUMAN SEBAGAI  
“CUSTODIAN”,  
OF HERITAGE

Lawatan Keilmuan Pegawai-Pegawai  
SPRM Putrajaya ke Muzium Diraja

Lawatan Kembara  
Sejarah

**ms 25****ms 26**

Kesilapan Ibu Bapa Dalam  
Mendidik Anak-Anak

**ms 28**

Kursus  
Penyediaan  
Spesimen  
Biologi  
Menggunakan  
Resin Siri II

**ms 30**

*Jegasi  
Gasing  
Pangkah*





## Editorial

### **Penasihat**

Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim

### **Ketua Editor**

Mohd Azmi bin Mohd Yusof

### **Editor**

Azmi bin Ismail

Esa bin Haron

Samsol bin Sahar

### **Penyelaras**

Nor Hasni binti Che Hassan

Mohd Hazilas bin Mat Hashim

### **Fotografi**

Unit Sumber Media

### **Edaran**

Unit Perpustakaan

### **Diterbitkan oleh**

Jabatan Muzium Malaysia

Jalan Damansara

50566 Kuala Lumpur

Tel: (+603)2267 1000 (+603)2282 6255

Faks: (+603)2282 6434

<http://www.jmm.gov.my>

### **Dicetak oleh**

OMR Press (M) Sdn. Bhd.

Berita JMM diterbitkan 4 bulan sekali. Buletin ini boleh dimuat turun daripada laman web JMM.

# Dari Meja Ketua Pengarah

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Tahun 2017 menyaksikan rentetan pelbagai peristiwa penting yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Muzium Malaysia bagi merealisasikan matlamat penubuhannya. Sebagai sebuah institusi yang berperanan untuk memastikan kelestarian warisan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara ini terus dipelihara, jabatan ini sentiasa berusaha menambah baik mutu perkhidmatan seiring dengan peredaran masa. Justeru, penerbitan buletin JMM harus dilihat sebagai satu langkah yang positif dalam usaha pihak jabatan menyebarkan maklumat terutamanya yang berkaitan dengan program dan aktiviti semasa jabatan dan seterusnya memberikan ruang untuk warga JMM berkarya dan menulis artikel berkaitan bidang permuziuman.

Muzium berperanan dalam mencerna pemikiran positif masyarakat ke arah pembinaan sebuah negara Malaysia yang bersatu padu, berbudaya dan bermaklumat, seiring dengan fungsi utama muzium sebagai institusi yang berkhidmat kepada pembangunan intelektual masyarakat. Persaingan dalam pelbagai bidang, perubahan teknologi dan globalisasi memerlukan daya kreativiti yang lebih komprehensif dari pihak muzium bagi mendekatkan masyarakat dengan institusi permuziuman ini. Pentafsiran budaya masyarakat perlu diperjelas dalam rekabentuk pameran yang berteknologi tinggi, kreatif dan menghiburkan tetapi dalam pada masa yang sama mengandungi nilai intelek yang tinggi.

Harapan saya semoga visi jabatan untuk menjadi Institusi Permuziuman yang profesional dan bertaraf global akan menjadi kenyataan. Sekalung penghargaan saya titipkan kepada semua warga jabatan yang telah bersama-sama menggembangkan tenaga bagi memastikan misi ini tercapai dengan jayanya. Terima kasih juga kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan atas sokongan berterusan dan kerjasama yang diberikan bagi memantapkan lagi mutu perkhidmatan jabatan ini.

Sekian. Terima kasih.

**“MUZIUM KITA  
TAMADUN KITA”**

DATUK KAMARUL BAHRIN BIN A. KASIM  
KETUA PENGARAH JABATAN MUZIUM MALAYSIA





# PAMERAN KARTUN & KITA

Kartun adalah satu bentuk hiburan yang santai dan diminati oleh pelbagai lapisan umur dalam masyarakat. Ia juga memperlihatkan sisi garapan idea pembuat-pembuat lakaran kartun secara abstrak dan digital. Penyampaian kartun juga boleh diadaptasi sebagai kelakar, hiburan, sedih, seram, puitis serta sindiran. Kartun juga boleh menjadi satu fenomena apabila diangkat menjadi filem animasi oleh penggiat-penggiat seni dan para profileman.



Pada 23 Januari 2018, bertempat di Dataran Muzium Negara, Jabatan Muzium Malaysia, telah berlangsungnya Perasmian Pameran Kartun dan Kita yang disempurnakan oleh YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Pameran Kartun dan Kita diadakan dengan matlamat dapat mendedahkan manfaat kartun sebagai wadah komunikasi yang sangat berkesan untuk menyalurkan mesej kepada masyarakat, mendekatkan masyarakat kepada penggiat kartun selain memberi pendedahan kepada orang ramai tentang potensi industri kartun tempatan terutama kepada generasi muda hari ini.

Pameran Kartun dan Kita ini juga turut memaparkan perkembangan kartun khususnya di Tanah Melayu ketika itu sehingga Malaysia kini mengikut sejarahnya. Segmen Sejarah Kartun dan Komik Malaysia telah dibahagikan kepada beberapa zaman iaitu Zaman Sebelum Perang (1925-1940), Zaman Pendudukan Jepun (1941-1945), Zaman Selepas Perang (1946-1950), Zaman Kartun dan Komik Mula Bertunas (1951-1960), Zaman Kegemilangan Komik dan Kartun (1971-1990) dan Zaman Baru Komik dan Kartun (1991-Kini). Revolusi kartun ini telah memperlhatkan senario dari zaman sebelum perang dengan

menonjolkan isu-isu keresahan orang Melayu yang diancam oleh kemasukan pendatang asing yang tidak terkawal melebihi jumlah penduduk Melayu, kartun pada zaman pendudukan Jepun pula banyak menunjukkan media cetak sebagai alat propaganda pemerintah Jepun, sehinggalah zaman selepas perang dan seterusnya menjadikan kartun lebih inovatif dengan penghasilan komik ceritera Melayu dan ke arah kemelayuan. Selain itu, lahirnya ramai pelukis komik yang baru melalui majalah dan akhbar serta penerbit-penerbit yang cenderung kepada komik. Perkembangan pantas teknologi maklumat, merubah bentuk kartun dan komik menjadi lebih canggih melalui pembacaan menggunakan skrin komputer, tablet dan telefon pintar. Kartun juga telah diasimilasikan dengan penggunaan animasi 3D dengan modal yang lebih besar dan teknologi terkini bagi menghasilkan filem animasi yang berkualiti dan mendapat pasaran di luar negara.

Pameran yang berlangsung selama empat bulan ini diharap dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya dan pelancong-pelancong luar negara amnya sebagai platform yang terbaik untuk memahami perkembangan kartun di Malaysia.



# PAMERAN PEKING MAN

## TAPAK WARISAN ZHOUKoudian

Oleh Juliyana binti Othman, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

Majlis Perasmian Pameran Peking Man – Tapak Warisan Zhoukoudian telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia pada 29 Mac 2018. Majlis perasmian ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Dong Cuiping, Pengarah Tapak Warisan Zhoukoudian dan H.E Bai Tian, Duta Republik Rakyat China. Tahun 2018 merupakan ulang tahun yang ke-44 hubungan diplomatik antara Malaysia dan China serta merupakan ulang tahun ke-5 pelancaran inisiatif “One Belt One Road”. Selaras dengan hasrat untuk mempromosikan pertukaran budaya di antara kedua-dua negara, Pameran “Peking Man” – Tapak Warisan Zhoukoudian”, kini dibawa ke Malaysia atas kerjasama Jabatan Muzium Malaysia dan Tapak Zhoukoudian. Pameran ini berlangsung dari 29 Mac 2018 hingga 16 Jun 2018.

Tapak Zhoukoudian terletak di daerah Fangshan, Beijing, China, iaitu lebih kurang 50 kilometer dari pusat bandar Beijing. Tapak ini ditemukan pada tahun 1918 dan ekskavasi dimulakan secara rasmi pada tahun 1927. Hasil daripada ekskavasi telah menemukan 27 kawasan fosil. Fosil-fosil manusia yang dijumpai di tapak ini meliputi

kumpulan Homo erectus, Homo kuno purba dan Homo sapien moden. Tapak Zhoukoudian terkenal dengan kekayaan kesan tinggalan manusia yang mempunyai perkembangan sosiologi dan fizikal manusia yang dapat direkod dengan baik. Tapak ini amat penting dalam pengajian Paleontropologi, Arkeologi, Geologi Kuatener dan Paleontologi.



Tapak Zhoukoudian merupakan kumpulan pertama yang disenaraikan oleh UNESCO sebagai Tapak Warisan Dunia pada tahun 1987.

Dengan usaha yang gigih oleh ahli-ahli sains China dan negara asing, banyak fosil Peking Man dan Upper Cave Man dapat digali dari Kompleks Tapak Zhoukoudian. Jumpaan ini telah menyumbang kepada kajian asal usul manusia. Namun begitu, ketika Perang Pasifik meletus pada tahun 1941 dan pencerobohan berlaku di China, fosil-fosil manusia dan juga fosil mamalia yang digali dari Tapak Zhoukoudian telah hilang dan menjadi misteri yang kekal sehingga ke hari ini.

Kesan tinggalan yang amat banyak serta kerja penyelidikan yang berhasil membolehkan Tapak Zhoukoudian memperoleh reputasi yang tinggi dalam komuniti sains. Walaupun kehilangan fosil Peking Man dan Upper Cave Man masih menjadi misteri, usaha mencari fosil-fosil yang hilang ini tidak pernah berhenti malah kerja-kerja perlindungan dan penyelidikan terus giat dijalankan di Tapak Zhoukoudian. Semoga pameran ini memberi manfaat kepada para pengunjung di samping menggalakkan kita semua dalam usaha menjalankan penyelidikan dan pemuliharaan tapak warisan budaya.



# MUZIUM PERAK ANTARA IMPLEMENTASI KONSEP ‘MACHINOEKI’ PERTAMA DI MALAYSIA

Oleh Puan Nor Hanisah binti Ahmad, Muzium Perak

**A**pakah itu Machinoeki? Ia merupakan perkataan dari Bahasa Jepun yang bermaksud komuniti penggerak bandar. Ia merupakan satu program stesen bandar atau hentian komuniti bagi menggalakkan komuniti menyediakan kemudahan asas kepada pelancong. Machinoeki telah dilaksanakan di Jepun berdasarkan konsep prihatin, bernilai harmoni dan sejahtera. Program ini memberi tumpuan kepada golongan pejalan kaki di lokasi-lokasi yang berada di laluan dalam bandar. Pemilihan Muzium Perak sebagai salah satu lokasi yang menepati ciri-ciri Machinoeki adalah berdasarkan beberapa kriteria iaitu penyediaan kawasan rehat seperti tempat duduk dan tandas percuma, menyediakan panduan untuk pelancong atau pejalan kaki mengenali bandar, monumen dan lokasi yang ingin dilawati, medium interaksi antara pelancong dengan penduduk setempat yang akan meningkatkan ‘sense of belonging’ dan rasa sayang serta menghargai bandar yang didiami. Ini akan meningkatkan rasa tanggungjawab terhadap bandar yang didiami dan mewujudkan rakyat Malaysia yang harmoni.

AKTIVITI

TAIPING SELAMA

## Taiping sertai kajian Machinoeki

Program ini beri tumpuan kepada pejalan kaki di lokasi yang berada dalam laluan Jejak Warisan Taiping

**TAIPING** – Taiping memperkenalkan perkhidmatan di sepanjang lorong-jalan yang akan mempermudah pelancong untuk menikmati keindahan bandar. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping (MPT) Dr. Aziz Abd Rahim M.A.PdII berkata, Machinoeki adalah satu program senari bandar atau hentian komuniti bagi menggalakkan komuniti, meningkatkan kewaspadaan dan kerjasama antara pelancong.

Menurutnya, Machinoeki dilaksanakan di Jepun berdasarkan konsep prihatin, bernilai harmoni dan sejaya yang berjaya dalam melaksanakan program ini, terutamanya dibentukkan kepada pelancong kaki di laluan lorong-jalan yang berada dalam laluan Jejak Warisan Taiping.

“Pada kajian ini, Machinoeki akan mempunyai maklumat lengkap tentang lokasi-

“Walaupun walaupun, walaupun kita mengalami dalam ringkasan buku Machinoeki pada hari Kali Asmaran, kita juga Persekutuan Hiklikan, Jalan Krka; Muzium Perak, Jalan Taming Sari; Perpustakaan Pengajian Taiping dan Galeri Perhembahan Taiping,” katanya semasa Majlis Pelancaran Zon Tangga Kenderaan Bersemasa di Rumah Walk, semalam.

Dalam pada itu, Presyendie Konsel Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Universiti Malaya, Dr Yeng Nellish Sharmin Harun bersikatta, kajian tersebut dilaksanakan sejak 1 November lalu dan berakhir pada penghujung Mac depan.

“Kita akan ambil masa selama lima bulan untuk melaksanakan kajian ini dan selepas mendapat maklumat lanjut dan pelajaran yang baik, mengikuti kiat dan teknologi untuk melaksanakan usaha ini,” katanya.

Beliau berkata, maklumat konsep ini, pihak yang berkerjasama perlu menyediakan kemudahan kawalan dan

bilan daripada pelbagai jarak, mengikut kira-kira durasi tempoh usaha ini,” katanya.

Beliau berkata, maklumat konsep ini, pihak yang berkerjasama perlu menyediakan kemudahan kawalan dan

pelodol dan tandas sejaya, percutiaan untuk kawaduhan pelancong tersebut.

“Catatan dapat merujukkan kepada peraturan pelancongan dengan penduduk Taiping sejauh ini bersifat resmi dan

menyuruhkan lagi sejauh pelopor dan pelantikan kerumah mempunyai akurasi yang tinggi,” katanya.

Menurutnya, dalam kajian hasil pertama ini, “ini je” adalah hasil yang berjaya untuk mendekati

Lorong  
bersemasa dalam  
Ringkasan  
Jepuk Warisan Taiping

INFO

- Kali Asmaran, Jalan Krka
- Persekutuan Hiklikan, Jalan Krka
- Muzium Perak, Jalan Taming Sari
- Perpustakaan Pengajian Taiping
- Galeri Perhembahan Taiping



Penyelidikan konsep Machinoeki di Malaysia ini dibiayai oleh waran penyelidikan Sumitomo yang dijalankan oleh kumpulan penyelidik dari Universiti Malaya dan Universiti Utsunomiya Kyowa, Jepun dengan kerjasama Majlis Perbandaran Taiping (MPT). Kajian bermula pada 1 November 2017 hingga 30 Mac 2018. Selain Muzium Perak, lokasi lain yang terpilih adalah Perpustakaan Peringatan Taiping, Kuil Amman, bangunan Persatuan Hokkien dan Galeri Perbandaran Taiping. Matlamat kajian adalah untuk memperlihatkan potensi Machinoeki di luar Jepun, mengenalpasti halangan dan menambahbaik potensi sedia ada. Objektifnya adalah untuk mempelajari mengenai Machinoeki di Jepun, mengenalpasti pendekatan pelaksanaan dan memperkenalkan Machinoeki untuk diimplementasikan di Malaysia. Promosi ini akan dijalankan di media sosial seperti *facebook*, *Instagram*, *banner* dan beberapa medium lain. Pengunjung dan masyarakat

boleh memberi komen dan maklum balas mengenai pelaksanaan konsep Machinoeki ini di lokasi-lokasi terpilih. Ini juga dapat membantu pemilik bangunan untuk mengetahui maklum balas pengunjung terhadap kemudahan awam yang disediakan di hentian komuniti masing-masing. Melalui cara ini akan menwujudkan jaringan komuniti yang terdiri daripada pemilik bangunan sebagai penggerak utama untuk menyumbang dan terlibat dalam usaha untuk memajukan bandar yang didiami.



Pada 20 Disember 2017, satu majlis penyampaian sijil penghargaan Machinoeki kepada hentian komuniti Muzium Perak telah diadakan di Taman Tasik Taiping, Perak oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping (MPT), YBhg Dato' Abd Rahim bin Md Ariff. Penghargaan ini merupakan satu tambah nilai kepada Muzium Perak sebagai antara lokasi pelancongan yang terbaik di daerah ini.

# PERTANDINGAN KUGIRAN

# Pop yeh yeh

ANJURAN MUZIUM MUZIK,  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Oleh Siti Nor Ain binti Manap, Muzium Muzik



Satu pertandingan Kugiran Muzik Pop Yeh Yeh anjuran Muzium Muzik telah diadakan pada 17 Februari 2018 yang lalu. Program pertandingan ini merupakan salah satu program sampingan bersempena dengan Pameran Muzik Pop Yeh Yeh yang telah langsung di Galeri 3, Jabatan Muzium Malaysia. Program ini bertujuan mencungkil bakat baru pemuzik dalam genre irama 60-an. Sesi pertandingan ini dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat saringan dan peringkat akhir. Peringkat saringan bermula pada jam 10.00 pagi sehingga 1.00 tgħriġi yang melibatkan sebanyak 7 kumpulan telah bertanding. Kumpulan tersebut ialah Aurora Band, Peace Lover, The Kugeeran,

Kugiran Retro, Kelichap Sound, Retmelo, Kugiran Retro dan Kumpulan D'Lentera. Peringkat akhir pula telah diadakan pada jam 2.30 petang hingga 4.30 petang. Sebanyak 5 kumpulan telah dipilih ke peringkat akhir. Tiga orang juri profesional yang dipilih dalam pertandingan ini ialah YBhg. Dato' A. Rahman Hassan (penyanyi lagenda) Encik Shahrol Bahri bin Shaharani (guru vocal) dan Tuan Haji Mohd Azam bin Hj. Sulong @ Azam Dungun (komposer / pensyarah muzik). Sesi penyampaian hadiah telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kassim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, diiringi oleh En. Azmi Ismail, Pengarah Muzium Negara.



# ASEAN CULTURE HOUSE, BUSAN

Oleh Rosidah binti Abdullah, Bahagian Pameran dan Pengembangan



Penubuhan *ASEAN Culture House* (ACH) di Busan diwujudkan bersempena sambutan Pertukaran Budaya ASEAN-Republik Korea (ROK) pada tahun 2017.

Ia bertujuan untuk merapatkan hubungan silaturrahim yang berpanjangan bagi memperlihatkan kekayaan negara masing-masing dalam sosio budaya terutama mempromosikan kebudayaan, kesenian dan warisan ASEAN yang menjadi tumpuan utama kepada masyarakat Korea khusus kepada generasi muda.

*ASEAN Culture House* merupakan sebuah bangunan tiga tingkat yang baru dibina dengan pengisian dua buah galeri khusus kepada ‘Pameran Khas’ bertemakan perkahwinan oleh setiap negara ASEAN (Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura, Vietnam, Laos, Myanmar, Thailand, Kemboja dan Filipina) yang diadakan seiring dengan Majlis Pelancaran ACH pada 1 September 2017 selama tiga bulan dan “Pameran Kekal” menampilkan koleksi bahan-bahan pameran yang berteraskan produk

kraftangan, artifak warisan seni ukiran, demonstrasi kebudayaan, amalan tradisional dan cara hidup di setiap negara ASEAN.

Pada peringkat awal persediaan yang dilakukan melibatkan beberapa buah agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang diwakili oleh Pelancongan Malaysia, Jabatan Muzium Malaysia, Jabatan Warisan Negara dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia

serta diurusetiakan oleh Bahagian Hubungan Antarabangsa Kebudayaan (HAK). Jabatan Muzium Malaysia ditugaskan untuk menyediakan pameran khas bertajuk Pameran Pelaminan Melayu Perak dengan mengambil tempoh masa selama sebulan untuk pengumpulan bahan pameran sama ada tempahan atau beli siap. Perancangan telah diatur dengan penyediaan senarai barang pameran berjumlah 200 unit seperti struktur panel, platform, hiasan pelamin bertekat benang emas, mannequin, pakaian pengantin, barang hantaran, bunga manggar dan bunga telur untuk tujuan perolehan, pembungkusan dan penghantaran ke Kedutaan Korea.

Wakil daripada Jabatan Muzium Malaysia telah berangkat ke Busan, Korea pada 28 Ogos 2017 dengan mengambil masa selama 4 hari untuk pemasangan pameran. Pelancaran ASEAN Culture House telah berlangsung pada hari Jumaat 1

September 2017 jam 10.30 pagi. Pelancaran ACH telah dirasmikan oleh Encik Alan Peter Cayetano, Menteri Luar Negeri diiringi oleh tetamu kehormat terdiri daripada Puan Seo Byung Soo, Datuk Bandar, Encik Kang Kyung Hwa, Kementerian Luar Negeri Republik Korea. Ia turut dihadiri oleh kedutaan mewakili negara ASEAN, para jemputan dan media seramai lebih kurang 1,000 orang bagi memeriahkan majlis pelancaran penubuhan ASEAN Culture House.

ACH telah menyediakan persembahan dan peragaan pameran yang sangat berkualiti terutama penyusunan koleksi dan informasi yang dibekalkan oleh setiap negara ASEAN dan dipadankan dengan sistem teknologi yang cangih bagi tontonan orang ramai. Penggunaan elektronik yang hebat seperti tayangan video, *head phone*, Peranti 3D dipanggil Realiti Maya, alat bantu memberi ucapan penghargaan hanya menggunakan *tablet*.





# ARKEO ASTRONOMI KEDAH TUA

**Oleh** Nurul Azlida binti Ghazali, Muzium Arkeologi Lembah Bujang

Arkeo Astronomi Kedah Tua telah diadakan pada 27 Februari 2018 bertempat di ruang pejabat Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Program bermula pada jam 9.00 pagi dengan ucapan aluan oleh Pengarah, Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Antara ahli panel yang terlibat ialah Encik Nor Azam bin Mat Noor, Mantan Pegawai Sains dan Tutor USM, Mantan Penyelidik Astronomi Galeri Sultan Hassanal Bolkiah, Brunei dengan tajuk Monumen Sebagai Kalender Kuno Kedah Tua dan Gunung Jerai Mahameru Cakerawala. Dr. Chong Hon Yew, Mantan Pensyarah Fizik USM dengan tajuk Star Gazing (Cerapan Bintang) dan *Night at the Museum*. Program ini telah dihadiri seramai 100 orang peserta. Objektif utama Bicara@Muzium ini diadakan bagi menyebarluas dan memperkembangkan ilmu pengetahuan berkenaan sejarah Kedah Tua, bidang arkeologi di Lembah Bujang dan hubungkaitnya dengan bidang astronomi. Menyemarakkan fungsi dan peranan muzium sebagai gedung ilmu yang sentiasa menjadi rujukan masyarakat khususnya dari aspek sejarah dan budaya negara. Menjalinkan hubungan dan kerjasama lebih erat dengan pakar-pakar sejarah terlibat khususnya dalam usaha mengukuhkan lagi kedudukan institusi muzium sebagai pusat sumber ilmu yang disegani.



# Era Kegemilangan Muzik Pop Yeh Yeh



## *Kenangan & Harapan*



Oleh Roszakiah binti Abdul Rahim  
(Pembantu Muzium) dan Ahmad Haziq  
Luqman (Pelajar Praktikal) Muzium Muzik

Pada 25 Januari yang lalu, pihak Muzium Muzik telah mengadakan program Bicara @ Muzium Era Kegemilangan Muzik Pop Yeh Yeh : Kenangan & Harapan. Program ini telah berlangsung di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia yang melibatkan seramai empat orang ahli panel jemputan dan seorang moderator. Ahli panel jemputan terdiri dari artis lagenda Pop Yeh Yeh iaitu Dato' A Rahman Hassan, Datuk Jeffrydin, J. Sham dan Encik Hamzah Janor yang merupakan pengumpul koleksi dan peminat tegar muzik Pop Yeh Yeh dan moderator, Cik Rohana Husin, Pengarah Muzium Muzik.

Program ini merupakan salah satu dari program sampingan bersempena pameran Muzik Pop Yeh Yeh di Jabatan Muzium Malaysia. Bicara@muzium ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim, Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia. Seramai 250 orang peserta yang terdiri dari pelbagai agensi telah hadir ke program ini. Turut memeriahkan majlis ialah persembahan dari artis jemputan lagenda iaitu Adnan Othman yang telah menyampaikan dua buah lagu ketika perasmian dan penutup majlis. Secara keseluruhan, program ini telah berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang baik daripada para peserta yang hadir.





Lawatan Peserta Kapal Layar Sail Jelajah Eropah ke Johor ke Muzium Kota Johor Lama 26 Oktober 2017



Bengkel Identifikasi Seramik pada 13 Januari 2018



Bengkel Animasi Sempena Pameran Kartun pada 10 Februari 2018



In-Reach Lawatan dan Demo Pemakaian Samping Giatmara Jengka, Pahang pada 21 Mac 2018



Kursus Aset Tak Alik Bilik Latihan IT JMM pada 5 Mac 2018



Bengkel Penulisan dan Penerbitan Jurnal Ilmiah pada 26 - 28 Mac 2018



Penyertaan MALB bersama Muzium Negeri Kedah & Muzium Kota Kuala Kedah, Sempena Expo Muafakat Kedah



In-Reach Lawatan dan Aktiviti Mencanting Batik SMK Tunku Besar Burhanuddin, Negeri Sembilan pada 29 Mac 2018

# EKSPLORASI MENELUSURI WARISAN SEJARAH LEMBAH BUJANG SIRI 4 / 2018

Oleh Nurul Azlida binti Ghozali, Muzium Arkeologi Lembah Bujang (azlida@jmm.gov.my)



Program Eksplorasi Menelusuri Warisan Sejarah Lembah Bujang Siri 4/2018 telah diadakan pada 24 Mac 2018, hari Sabtu di perkarangan Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok Kedah. Tujuan utama program adalah untuk memberi pendedahan ilmu dan pengalaman kepada mahasiswa untuk mengenali dengan lebih dekat tinggalan sejarah yang tersimpan di Muzium Arkeologi Lembah Bujang disamping mempelajari tentang cara bagaimana untuk memelihara dan memulihara artifak yang biasa dipamerkan di galeri pameran.

Acara yang bermula pada jam 9.00 pagi diteruskan dengan aktiviti senam robik beramai-ramai oleh 200 peserta dari UPSI dan UKM di perkarangan Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Acara perasmian telah disempurnakan oleh En. Zamrul Amri bin Zakaria, Pengarah Bahagian Pengurusan Konservasi JMM. Bagi melengkapkan acara di sebelah pagi Bahagian Konservasi JMM turut mengadakan demonstrasi konservasi artifak barang perhiasan, tembikar dan cara membuat acuan ‘moulding and casting’ lebah kepada semua peserta. Dengan ini para peserta dapat mempelajari bahan dan peralatan yang digunakan dan bagi tujuan pembelajaran peserta boleh mencuba sendiri untuk membuat konservasi kepada artifak yang terpilih.

Bagi mencapai salah satu objektif program iaitu untuk mengeratkan hubungan antara kakitangan JMM, MALB, mahasiswa dan kakitangan UPSI serta UKM satu aktiviti temubual bersama kakitangan Muzium telah dilakukan bagi melengkapkan eksplorasi dan tugas berkumpulan yang diberikan.



Acara berakhir pada jam 5.00 petang dengan majlis perasmian penutup program Eksplorasi Menelusuri Warisan Sejarah Lembah Bujang Siri 4/2018 oleh Pengarah Muzium Arkeologi Lembah Bujang dengan acara penyampaian hadiah dan sijil penyertaan kepada peserta. Adalah diharap program ini dapat memberi impak yang besar kepada pihak Muzium Arkeologi Lembah Bujang dan Jabatan Muzium Malaysia dalam mempromosikan nilai sejarah tempatan serta memperkuuhkan fungsi dan peranan muzium sebagai pusat sumber ilmu dan rujukan kepada semua mahasiswa UPSI dan UKM.

# KUNJUNGAN PENYELIDIK RAMA-RAMA

## KE MUZIUM ALAM SEMULA JADI

Pada 26 Februari 2018, Muzium Alam Semula Jadi telah menerima kunjungan penyelidik rama-rama dari Sri Lanka, Dr. George Michael van der Poorten dan isteri Nancy E van der Poorten yang dibawa oleh Dato' Henry Stackville Barlow, individu yang pakar mengenai spesies rama-rama di Semenanjung Malaysia serta mempunyai koleksi persendirian rama-rama terbesar di Asia Tenggara.

Pasangan ini bergiat aktif dan memberi sepenuh tumpuan kepada usaha konservasi rama-rama dan pepatung di Sri Lanka dengan menghasilkan pelbagai penulisan ilmiah yang menjadi rujukan di dalam komuniti pengkaji serangga di dunia. Mereka telah menghasilkan buku "The Butterflies Fauna of Sri Lanka" hasil daripada kajian dilapangan yang mengambil masa lebih dari 50 tahun. Mereka telah mengenalpasti dan memerihalkan 247 spesies rama-rama di Sri Lanka.

Dato' Henry Barlow memaklumkan beliau dan pasangan Van der Poorten sedang dalam rangka kerja menyemak dan melawat koleksi-koleksi rama-rama yang pernah diperihalkan di Semenanjung Malaysia. Lawatan ini adalah untuk mencari informasi mengenai spesies rama-rama yang pernah dirujuk oleh pakar rama-rama *oriental* Leftenan Kolonel John Eliot semasa beliau membuat suntingan edisi yang keempat buku "The Butterflies of The Malay Peninsula". Pasukan penyelidik ini bercadang untuk mengemaskini dan menerbitkan edisi kelima buku rujukan popular ini.

Kajian dan pengumpulan koleksi rama-rama di Semenanjung Malaysia telah bermula sejak tahun 1779 oleh J.G Koenig. Pada tahun 1934, Dr Steven Corbet dan H.M. Pendlebury menghasilkan buku edisi pertama yang diterbitkan di Kuala Lumpur berjudul "The Butterflies of The Malay Peninsula" yang memerihalkan spesies rama-rama di Semenanjung Malaysia. Buku ini adalah hasil dari dokumentasi kajian-kajian terdahulu pengumpul dan penyelidik



PROGRAM

rama-rama sejak zaman J.G Koenig. Edisi ketiga (1978) dan keempat (1992) buku ini telah disunting dan ditambah baik oleh Leftenan Kolonel J.N Eliot yang membuat penambahan lebih dari 20 spesies baharu berdasarkan kajian terhadap koleksi beliau sendiri dan pengumpul-pengumpul utama ketika itu di Semenanjung Malaysia antaranya koleksi dari Flemming, Puan Alix Mc Cartney , Hugh R.M Storey, J. A Hislop, A. Bedford Russell, Laurence Kirton, Tan Man Wah dan Dato' Henry Barlow. Penambahbaikan yang dilakukan oleh Leftenan Kolonel J.N Eliot menjadikan buku ini rujukan lengkap spesies rama-rama yang boleh ditemui di Semenanjung Malaysia.

Kekangan fizikal yang dimiliki oleh H.R.M Storey tidak pernah menghalang beliau untuk mengumpul dan mengkaji rama-rama pelbagai habitat di Semenanjung Malaysia. Walaupun berada di atas kerusi roda, beliau dan kumpulannya telah berjaya mengumpulkan sejumlah 1063 rama-rama yang terdiri dari 900 spesies dan memerihalkan dua spesies baru iaitu *Deramas basrii* dan *Poritia ibrahimii*. Kebanyakan koleksi daripada pengumpul –pengumpul utama di Semenanjung Malaysia yang seangkatan H.R.M Storey telah mendermakan koleksi mereka ke British Museum dan Muzium Raffles, Singapura. Hanya koleksi rama-rama mendiang Hugh R.M. Storey didermakan kepada Jabatan Muzium Malaysia pada 18 April 2002 oleh pembantu beliau En Paijo bin Jemadi atau lebih dikenali sebagai Basri sebagai menghargai sumbangan beliau memulihara khazanah alam negara agar dapat dijadikan tatapan dan rujukan oleh generasi akan datang. Koleksi yang didermakan ini adalah sumber rujukan yang penting untuk kajian taksonomi di Malaysia khasnya dan dunia umumnya . Koleksi yang bernilai dan sangat berharga ini, kini berada dibawah jagaan Muzium Alam Semula Jadi.



.....

# PROGRAM OUTREACH **PAMERAN SKELETON** DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KAMPUNG PERAK, BATU KURAU, PERAK

Oleh Nor Aini binti Hassan, Muzium Perak



Pada 13 Februari 2018 Muzium Perak telah mengadakan pameran Skeleton bermula jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang di Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Perak, Batu Kurau, Perak. Program ini diadakan bersempena hari Karnival Akademik dan Kokurikulum, Peringkat Daerah Larut Matang dan Selama yang melibatkan pelajar-pelajar dari sekolah rendah dan sekolah menengah dalam kawasan DUN Batu Kurau. Majlis telah dirasmikan oleh Tuan Haji Abdul Hamid bin Dullah berjawatan sebagai Chief Executive Officer "Hotel Hamid".

Seramai dua orang kakitangan telah terlibat untuk menjayakan pameran tersebut iaitu Encik Selvaraju a/l M.Pichaimuthu dan Encik Mohamad bin Jaafar. Antara artifak yang dipamerkan seperti rangka kepala harimau, rangka kepala beruang, rangka kucing hutan, tupai, kura-kura dan sebagainya. Di samping berpeluang melihat artifak yang dipamerkan pengunjung yang bertuah juga berpeluang untuk memenangi hadiah melalui soalan-soalan kuiz yang disediakan oleh pihak Muzium Perak. Oleh kerana para pengunjung jarang

berpeluang melihat sendiri dengan lebih dekat artifikat skeleton yang dipamerkan, maka ia telah berjaya menarik perhatian seramai 1246 orang pengunjung ke tapak pameran ini.

Selain daripada Muzium Perak terdapat beberapa lagi agensi lain yang turut serta mengadakan pameran dalam program tersebut seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Penjara Taiping, Pejabat Kesihatan Taiping, Pusat Anti Dadah Kebangsaan Cawangan Taiping, Universiti Sains Malaysia, Universiti Perguruan Sultan Idris Shah dan sebagainya. Dengan adanya pameran ini bukan saja mampu membuka minda pelajar-pelajar khususnya malah ia juga telah berjaya menarik minat agensi-agensi luar untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai koleksi-koleksi lain yang dipamerkan di galeri Muzium Perak. Ia juga dapat meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap fungsi dan peranan muzium di samping dapat menjalankan hubungan dan kerjasama lebih erat dengan institusi pendidikan khususnya pihak sekolah.

## Laporan Program



### PROGRAM OUTREACH 'KENALI MUZIUM' SIRI I 2018

Oleh Intan Khafzillia binti Fadzri, Muzium Automobil Nasional


Pada 28 Mac 2018 (Rabu), Program Outreach "Kenali Muzium" telah diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang, Selangor. Program ini merupakan satu program *outreach* yang dianjurkan oleh Muzium Automobil Nasional untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar sekolah mengenai latar belakang penubuhan muzium, koleksi dan juga kerjaya dalam bidang permuziuman.

Objektif program secara amnya ialah untuk:

1. Mendedahkan kepada pelajar tentang peranan dan fungsi muzium dalam memelihara, memamer dan menjaga khazanah warisan bangsa.
2. Mempromosikan dan menonjolkan peranan muzium sebagai tempat pendidikan tidak formal dan gedung ilmu kepada masyarakat.
3. Memupuk semangat patriotik dan cintakan negara.
4. Mendekatkan muzium dengan masyarakat terutamanya dengan pelajar-pelajar sekolah melalui aktiviti permuziuman yang dijalankan.
5. Menambahkan statistik pelawat muzium.

Muzium Automobil Nasional turut bekerjasama dengan Bahagian Pengurusan Konservasi, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dalam melaksanakan program dan aktiviti ini. Sejumlah 20 orang murid terdiri dari 10 pelajar lelaki dan 10 orang pelajar perempuan telah dipilih oleh guru untuk menyertai aktiviti 'Sama tapi tak serupa' yang diketuai oleh Encik Samsul bin Abdullah dari Bahagian Pengurusan Konservasi, Jabatan Muzium Malaysia dan dibantu oleh tiga orang kakitangan iaitu En Muhamad Zaidi bin Roslan, Cik Nur Liyana binti Mohd Tahir, Mohd Khairul Azhar bin Mustapa dan 2 orang pelajar praktikal.

Pengisian aktiviti dimulakan dengan taklimat Pengenalan Muzium Automobil Nasional oleh Ketua Muzium, Puan Intan Khafdzillia bt Fadzri dan diikuti oleh taklimat Pengenalan Konservasi oleh



Pembantu Muzium Kanan, Encik Samsul bin Abdullah. Pertandingan Reka Cipta diketuai oleh saudara Rostan Hakimi bin Samad yang telah memberi taklimat dan syarat-syarat pertandingan kepada para peserta yang terdiri daripada Pelajar Tingkatan 1 & 2. Peserta hendaklah memilih bahan-bahan terpakai yang disediakan seperti botol plastik, getah, lidi, gam, gunting dan lain-lain keperluan untuk mencipta bahan-bahan tersebut menjadi sebuah kereta. Hasil ciptaan pelajar juga akan dinilai dari segi kelajuan kereta tersebut berfungsi. Aktiviti ini memberi peluang kepada pelajar untuk mencungkil bakat kreativiti dan inovatif mereka, menajamkan pemikiran agar mereka dapat berfikir di luar kotak dan menghargai alam sekitar.

Selain itu, pelajar juga dapat mengenali komponen-komponen yang terdapat dalam sesebuah kereta melalui aktiviti kuiz berpandukan rajah yang diberi. Pelbagai komponen kenderaan tersebut adalah berdasarkan bahan pameran yang ada dipamerkan di galeri Muzium Automobil Nasional, Sepang. Pelajar juga dimaklumkan bahawa tanpa komponen-komponen tersebut maka sesebuah kereta itu tidak dapat berfungsi sepenuhnya. Pelajar yang menyertai aktiviti silang kata pula dikehendaki mencari jawapan berpandukan panel pameran. Oleh hal demikian secara tidak langsung pelajar dapat mengetahui maklumat dan pengetahuan tentang Muzium Automobil Nasional yang disampaikan melalui panel pameran.



## BICARA TEKSTIL @ MUZIUM PAKAIAN TRADISIONAL JEPUN: KIMONO

Oleh Azila binti Rohani@Rosani, Muzium  
Tekstil Negara

Program bicara tekstil ini diadakan dengan kerjasama Muzium Tekstil Negara bersama Gahara Galore Sdn Bhd. Diadakan pada 01 Mac 2018 dan disampaikan oleh Ms Nakajima Kazuno, Pengarah Urusan,Nakakoma Orimono yang didatangkan khas dari Jepun oleh kedutaan Jepun di Malaysia bersempena 60 tahun hubungan diplomatik Malaysia-Jepun (1957-2017). Program bermula pada jam 10.00 pagi dan acara dimulakan dengan sesi pengenalan oleh Encik Nik Faiz bin Nik Amin. Turut ditunjukkan demo pemakaian kimono.

Bicara ini menceritakan inovasi pemakaian kimono sebagai pakaian tradisional masyarakat Jepun yang telah diolah daripada potongan tradisional kepada 2 helaian yang berasingan. Asalnya mengambil masa selama 1 hingga 2 jam proses pemakaiannya tetapi dengan potongan kontemporari (2 helaian



berasingan) telah menjadikan tempoh pemakaian menjadi singkat lebih kurang 20 minit dengan mengekalkan keaslian potongannya. Ini bertujuan menggalakkan generasi muda atau bangsa lain untuk mengenakan kimono sebagai fesyen yang boleh digayakan secara berterusan. Terdapat banyak falsafah disebalik pemakaian kimono diceritakan dalam bicara ini termasuklah makna kelabuhan lengan kimono – labuh lengan kimono menunjukkan seseorang wanita itu adalah masih belum berkahwin dan ia merupakan salah satu daya penarik untuk memikat kaum lelaki. Kimono kontemporari ini hanya dipasarkan di luar pasaran Jepun. Ini bermakna kimono ini tidak dibenarkan dipasarkan dinegaranya sendiri.

Program ini telah dihadiri seramai 27 orang peserta luar dan 12 kakitangan Muzium Tekstil Negara. Program berakhir pada jam 11 pagi.

# KURSUS PENGURUSAN PROJEK ARTIFAK INDUSTRI – PERINGKAT LANJUTAN

Oleh Muhamad Zaidi bin Roslan, Bahagian Pengurusan Konservasi



Demi menyebarluaskan ilmu pengetahuan dalam bidang konservasi, kerjasama di antara Unit Pembangunan Modal Insan dan Bahagian Pengurusan Konservasi, Jabatan Muzium Malaysia telah berjaya menganjurkan Kursus Pengurusan Projek Artifak Industri – Peringkat Lanjutan. Kursus ini telah berlangsung selama empat hari bermula pada 12 – 15 Mac 2018 bertempat di Bilik Persidangan Jabatan Muzium Malaysia.

Sambutan baik dari agensi luar juga amat memberansangkan dimana beberapa orang staf telah dihantar untuk menyertai kursus ini, antaranya dari Muzium Petaling Jaya, Muzium Negeri Kedah, Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia, Lembaga Muzium Negeri Pahang serta Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT). Manakala pemilihan peserta kakitangan Jabatan Muzium Malaysia pula adalah berdasarkan pengalaman serta kemahiran berkaitan bidang konservasi yang pernah dipelajari sebelum ini.

Bagi pengisian kursus pula, kali ini lebih menekankan aspek teori mengikut S.O.P (Standard Operation Procedure) yang akan diperaktikkan semasa kerja-kerja konservasi Lokomotif Sri Menanti yang berada di perkaranan parkir Muzium Negara, yang dijangka dilaksanakan pada bulan April 2018. Selain itu, kursus ini juga menekankan aspek mengenalpasti kerosakan artifak lokomotif yang mana berpunca dari pengaruh persekitaran yang tidak terkawal serta faktor dari manusia sendiri serta memanfaatkan teknologi salutan perlindungan anti karat bagi tujuan penstabilan artifak logam lokomotif. Oleh itu, pihak pengajar telah menjemput penceramah dari agensi luar untuk berkongsi pengalaman serta bertukar-tukar pandangan dan pendapat di antara para peserta kursus dengan penceramah.

Penceramah jemputan untuk kursus kali ini mempunyai latar belakang kemahiran yang berbeza serta berpengalaman dalam bidang masing-masing. Pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) djemput bagi mengupas topik berkaitan Perundangan OSHA 1994 dan FMA 1967, BOWEC dan Penguatkuasaan Keselamatan & Kesihatan di tapak binaan. Kesemua tajuk berikut merupakan aras pengetahuan yang perlu difahami dan ditekankan oleh pihak penceramah kerana sebagai langkah keselamatan semasa projek dilaksanakan terutama yang melibatkan kerja-kerja pemasangan perancah.

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) pula berkongsi maklumat berkaitan kepentingan Kad Hijau. Manakala penceramah dari Muzium KTMB lebih menekankan aspek berkaitan sejarah awal pengangkutan keretapi di Tanah Melayu, jenis-jenis lokomotif serta perincian fizikalnya. Maklumat dari KTMB ini sangat berguna untuk dijadikan bahan rujukan berkaitan biografi lokomotif. Satu sesi bersama wakil penceramah dari Giat Mara Cawangan Puchong telah berkongsi pengalaman serta proses kerja-kerja menanggalkan cat, menyimen bahagian yang telah rosak serta kerja-kerja semburan cat mengikut lapisan tertentu. Tiga orang penceramah telah hadir bagi mewakili Agensi Nuklear Malaysia (ANM) untuk memberi penerangan berkaitan analisa secara saintifik dan mekanikal. Antara tajuk yang dibincangkan adalah Introduction to Corrosion for Artifact Material, Types of Corrosion and Corrosion Control dan Material Characterization and Preservation Guideline.

Dengan adanya kursus seperti ini diharap kesedaran kita terhadap aspek keselamatan perlu dititikberatkan terutamanya sewaktu kerja-kerja lapangan sedang dilaksanakan.



## INSTITUSI PERMUZIUMAN SEBAGAI “CUSTODIAN OF HERITAGE”

Oleh Muhammad Faizol bin Rani

Setiap kaum dan masyarakat mempunyai kehebatan sejarah dan keunikan khazanah warisan budaya yang tersendiri. Namun, ia menjadi suatu cabaran yang perlu digalas dalam usaha mengekalkan sejarah dan tradisi budaya agar tidak ditelan zaman dalam arus kemodenan masyarakat hari ini. Justeru, institusi permuziuman sebagai “custodian of heritage” memainkan peranan yang penting dalam membangkitkan semula semangat cintakan asal usul dan sejarah masyarakat agar tidak lopus dan dijadikan rujukan oleh generasi yang akan datang.

Melalui penganjuran program Bicara@Muzium 2018 oleh Muzium Labuan dengan kerjasama Persatuan Masyarakat Brunei Sabah dan Kolej Matrikulasi Labuan pada 7 April 2016 di Dewan Mutiara, Kolej Matrikulasi Labuan menerima sambutan yang memberangsangkan daripada pelbagai lapisan umur masyarakat di Labuan. Dua topik kupasan perbincangan telah disampaikan iaitu Sejarah Kedatangan Dan Perluasan Kuasa Masyarakat Brunei Di Kepulauan Borneo oleh YBrs. Encik Baszley Bee bin Basrah Bee dan Budaya, Adam Resam Dan Cara Hidup Masyarakat Brunei Di Borneo oleh YBrs. Tuan Haji Saat bin Awang Damit.



Objektif program ini adalah untuk memberikan pendedahan maklumat dan pengetahuan khususnya kepada generasi baru tentang peri pentingnya menghargai sejarah dan budaya masyarakat setempat. Selain memberi sumber maklumat tambahan untuk tujuan penyelidikan dan rujukan kepada pelajar dan individu-individu yang berminat tentang pengkisahan sejarah.

Program ini dapat mencapai objektifnya dengan kehadiran seramai hampir 300 orang tetamu jemputan daripada pelbagai agensi kerajaan, NGO, ahli-ahli masyarakat, pemandu pelancong, media dan para pelajar. Program ini diharap dapat memberi manfaat yang berguna kepada masyarakat dalam memastikan keunikan khazanah dan warisan turun temurun ini dapat dikekalkan. Adalah menjadi harapan kepada institusi permuziuman agar pembangunan dan pemodenan negara dan dunia pada hari ini berkembang seiring dengan pengekalan adat dan budaya bangsa.

## Laporan Program

# Lawatan Keilmuan Pegawai-Pegawai SPRM Putrajaya ke Muzium Diraja

Oleh Arzmi bin Dulang, Muzium Diraja



Pada 7 Februari 2018 yang lalu, Muzium Diraja telah menerima lawatan keilmuan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Putrajaya. Rombongan pegawai seramai 30 orang telah disambut oleh Puan Miti Fateema Sherzeella binti Mohd Yusoff, Pengarah Muzium Diraja. Program dimulakan dengan sesi taklimat dan ceramah keilmuan oleh Pengarah MDR berkenaan sejarah institusi beraja dan kewujudan Istana Negara yang kemudiannya dijadikan Muzium Diraja yang menjadi lambang keutuhan sistem pemerintahan di Malaysia.

Para peserta juga diberi pendedahan secara *hands-on* terhadap tatacara pemakaian tengkolok dan hiasan kepala yang menjadi simbol kedaulatan Raja-Raja Melayu yang memerintah. Aktiviti *hands-on* telah dikendalikan oleh En Syahrizul Amin, Penolong Kurator, MDR dengan dibantu oleh En Mohamad Naim dan Muhamad Zulkhairil. Di akhir program, para peserta dibawa melawat galeri pameran Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong semenjak tahun 1957 sebelum berpindah ke Istana Negara baharu di Jalan Duta pada tahun 2011.

## Laporan Program

### LAWATAN KEMBARA SEJARAH DARI SMK KETARI BENTONG, PAHANG

Pada 28 Februari 2018, Muzium Tekstil Negara telah menerima lawatan kembara sejarah dari SMK Ketari Bentong, Pahang. Para Pelajar dan guru telah diberikan lawatan berpandu oleh Puan Azila Rosani, Penolong Kurator Muzium Tekstil untuk menjelaskan kepentingan budaya dan kesenian tekstil dalam memartabatkan keutuhan bangsa. Turut diadakan demonstrasi pemakaian batik sarung dari Puan Zaiton Isa, Pembantu Muzium, Muzium Tekstil untuk memastikan hasrat membudayakan semula pemakaian batik sarung dalam kalangan generasi

muda yang makin dilupakan. Pendedahan ini telah menarik perhatian para pelajar untuk menyahut cabaran yang diberikan. Objektif aktiviti lawatan ini merupakan satu mekanisma penyebaran ilmu pengetahuan kepada para pengunjung agar dapat meningkatkan kesedaran dan menyuntik semangat cintakan tekstil warisan etnik-etnik di Malaysia selain menyemarakkan fungsi dan peranan muzium sebagai gedung ilmu yang sentiasa menjadi rujukan masyarakat khususnya dari aspek sejarah dan budaya negara.

Oleh Azila binti Rohani@Rosani,  
Muzium Tekstil Negara

TAHUKAH ANDA?

15

# KESILAPAN IBU BAPA DALAM MENDIDIK ANAK-ANAK

Oleh Nor Hasni binti Che Hassan, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi (hasni@jmm.gov.my)

15 Kesilapan ibu bapa dalam mendidik anak-anak diubahsuai dari Kuliah Mingguan Surau An-Nur, 10 Jun 1998 oleh Ustaz Khalid Haji Mohd Isa

*“Harta benda dan anak-anak kamu hanyalah menjadi ujian dan di sisi ALLAH ada pahala yang besar.” (Al-Quran Surah At-Taghabun, 64:15)*

Anak-anak adalah amanah dari ALLAH s. w. t. dan ia sebahagian dari ujian ALLAH s. w. t. kepada kita hamba-hamba-Nya. Sebagai ujian, ia akan dipertanggungjawabkan. Orang yang malang ialah orang yang mempunyai ramai anak tetapi anak-anaknya tidak membawa kebaikan kepadanya di akhirat.

Rasulullah SAW diberitakan telah bersabda :  
*“Tahukah engkau siapakah orang yang mandul.”*  
*Berkata para sahabat : “Orang yang mandul ialah orang yang tidak mempunyai anak.”* Lalu Rasulullah SAW berkata : *“Orang yang mandul itu ialah orang yang mempunyai ramai anak tetapi anak-anaknya itu tidak memberi kemanfaatan kepadanya sesudah ia meninggal dunia.”* -(Maksud Al-Hadith )

Ini mungkin disebabkan beberapa kesilapan dalam mendidik anak-anak.

## KESILAPAN PERTAMA

### Kurang berdoa

Kurang berdoa semasa mengandung. Antara doa-doa yang digalakkan diamalkan semasa mengandung ialah:

- \* Saidul (penghulu) Istighfar
- \* Doa memohon rahmat  
(Al-Quran Surah Ali ‘Imran, 3 : 8-9)
- \* Doa memohon zuriat yang baik  
(Al-Quran Surah Ali ‘Imran, 3 :38)

- \* Doa agar anak mengerjakan solat  
(Al-Quran Surah Ibrahim, 14 :40-41)

Kurang berdoa semasa membesar anak. Doa-doa yang digalakkan diamalkan semasa anak membesar ialah:

- \* Doa agar anak patuh kepada ALLAH s. w. t.  
(Al-Quran Surah Al-Baqarah, 2 :128)
- \* Doa diberi zuriat yang menyegarkan hati  
(Al-Quran Surah Al-Furqan, 25 :74)
- \* Doa supaya nama anak membawa kebaikan kepadanya.

## KESILAPAN KEDUA

Banyak memberi belaian Tarhib (menakutkan) daripada Targhib (didikan atau motivasi) seperti:

- \* menakutkan anak-anak dengan sekolah
- \* menakutkan dengan tempat gelap
- \* menakutkan dengan hutan rimba atau bukit-bukau
- \* menggunakan kekerasan dan paksaan semasa menyuruh anak tidur

## KESILAPAN KETIGA

Tidak tegas dalam mendidik anak-anak

- \* tidak menjadualkan kegiatan harian anak-anak
- \* terlalu memfokuskan anak-anak kepada sesuatu aktiviti sahaja tanpa mengambil kira perasaan mereka

## KESILAPAN KEEMPAT

Menegur anak secara negatif

- \* mengeluarkan kata-kata kesat dan maki hamun kepada anak-anak (terutama semasa marah).
- \* membandingkan anak-anak dengan anak-anak lain atau anak orang lain.

## KESILAPAN KELIMA

Memberi didikan yang tidak seimbang antara jasmani (physical), rohani (spiritual) dan minda (intelektual)

- \* ramai yang lebih mementingkan pendidikan minda dari pendidikan rohani

## KESILAPAN KEENAM

Kurang memberi sentuhan kepada semua anak-anak sedangkan Rasulullah kerap dilihat mendukung cucu-cucunya dan mencium mereka. Diriwayatkan oleh Aisyah r. a.

*Pada suatu hari Rasulullah SAW mencium Al-Hassan atau Al-Hussien bin Ali r. a. Ketika itu Aqra' bin Habis At-Tamimi sedang berada di rumah baginda. Berkata Aqra': "Ya Rasulullah! Aku mempunyai sepuluh orang anak, tetapi aku belum pernah mencium seorang pun daripada mereka." Rasulullah melihat kepada Aqra' kemudian berkata : "Siapa yang tidak mengasihi tidak akan dikasihi."-(Maksud Al-Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim)*

## KESILAPAN KETUJUH

Penampilan diri yang kurang anggun dan kurang kemas

- \* ibu bapa tidak menunjukkan cara berpakaian yang kemas dan yang menepati kehendak syarak bila berada di rumah, iaitu berpakaian secara selekeh atau berpakaian seksi di hadapan anak-anak

## KESILAPAN KELAPAN

Susunan rumah tangga yang tidak kemas. Ini mengakibatkan anak-anak terikut-ikut dengan cara itu dan membesar menjadi pemalas dan selekeh.

## KESILAPAN KESEMBILAN

Kurang menghidupkan sunnah di rumah seperti memberi salam, makan berjemaah, beribadah bersama-sama, dan sebagainya. Dalam menjawab

salam, lazimkanlah menjawab salam dengan yang lebih baik dari salam yang diberi.

## KESILAPAN KESEPULUH

Tidak menggantungkan rotan di tempat yang mudah dilihat oleh anak-anak. Dalam Islam, merotan anak dengan tujuan mendidik adalah satu sunnah.

## KESILAPAN KESEBELAS

Kurang mendedahkan anak-anak dengan model yang cemerlang seperti para ulama' dan orang-orang yang berhemah tinggi dan berakhlik mulia. Anak-anak juga patut didedahkan dengan sembahyang jemaah, kuliah agama dan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian dengan akhlak Islam.

## KESILAPAN KEDUA BELAS

Bertengkar di depan anak-anak. Ini akan menyebabkan anak-anak rasa tertekan dan membenci salah seorang dari ibubapanya.

## KESILAPAN KETIGA BELAS

Memberaneka orang yang tidak elok sahsiyahnya masuk ke dalam rumah kita, baik dari kalangan sahabat sendiri ataupun sahabat anak-anak, kerana ini akan memberikan contoh yang tidak baik kepada anak-anak yang masih membesar.

## KESILAPAN KEEMPAT BELAS

Kurang mengawasi rancangan-rancangan yang ditonton sama ada dari TV atau pun video. Pengawasan dalam hal ini adalah penting kerana kebanyakan rancangan dari media ini menonjolkan akhlak yang kurang baik seperti pergaulan bebas lelaki dan perempuan, pakaian yang tidak menepati syarak dan perbualan yang boleh merosakkan agama anak-anak.

## KESILAPAN KELIMA BELAS

Terlalu bergantung kepada pembantu rumah untuk mendidik anak-anak. Sebagai ibu bapa kita lah yang akan disoal di akhirat kelak akan anak-anak ini. Oleh itu adalah menjadi satu kepentingan kita untuk berusaha memastikan anak-anak terdidik dengan didikan Islam.



# KURSUS PENYEDIAAN SPESIMEN BIOLOGI MENGGUNAKAN RESIN SIRI II

**2018 BERTEMPAT DI MAKMAL PUSAT RUJUKAN & REPOSITORI LAUT CHINA SELATAN (RCC), UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU, TERENGGANU**

Oleh Mohammed Ali bin A.M Hj. Mohaideen  
Muzium Alam Semula Jadi

Penggunaan resin dalam pengawetan spesimen biologi merupakan salah satu kaedah pengawetan yang boleh digunakan dalam proses pembelajaran dan juga penyelidikan, lantaran daripada itu Pusat Rujukan dan Repositori Laut China Selatan (RCC) mengambil satu langkah kehadapan dengan menganjurkan kursus penyediaan spesimen biologi menggunakan resin siri ii - 2018 telah diadakan selama dua hari di makmal Pusat Rujukan & Repositori Laut China Selatan (RCC), Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu.

Kursus ini telah dihadiri oleh seramai 15 orang peserta yang terlibat dari Muzium Alam Semula Jadi JMM, Jabatan Perhilitan, FRIM, Jabatan Taman Laut Malaysia, Muzium Negeri Terengganu dan termasuk pensyarah-pensyarah UMT. Kursus selama dua hari turut merangkumi kuliah, latihan amali secara *hands-on* di makmal, lawatan belajar ke Galeri Penyelidikan INOS, UMT dan Muzium Negeri Terengganu yang bertujuan meningkatkan pemahaman peserta amnya berkaitan bidang penyediaan sampel biologi dan bidang penyediaan spesimen menggunakan resin khasnya.

Hari pertama kursus dimulakan dengan sesi pendaftaran para peserta di Pusat Rujukan dan Repositori Laut China Selatan (RCC), UMT. Setelah selesai pendaftaran, kuliah bertajuk "Pengenalan RCC dan Kepentingan kursus" dikendalikan oleh Dr. Izwandy bin Idris, Pengarah, Institut Oseanografi dan Sekitaran, UMT. Para peserta diberikan penerangan oleh tentang sejarah penubuhan, visi, misi Pusat Rujukan dan Repositori Laut China Selatan (RCC) dan berkongsi pengetahuan berkaitan pengurusan koleksi biologi termasuklah teknik persampelan, pengumpulan data satelit, merekod dan penghasilan katalog digital bertujuan untuk penyelidikan marin negara, rujukan



ilmiah oleh para penyelidik dan juga maklumat untuk menyokong aktiviti pameran dan pendidikan kepada orang awam dan pelajar. Menurut Dr Izwandy, sejak penubuhan RCC pada tahun 2004, pusat ini telah berjaya mengumpul lebih 20,000 spesimen dalam bentuk awetan kering dan basah yang terbahagi kepada empat kategori utama, iaitu koleksi vertebrata, invertebrata, koleksi geologi dan koleksi genomik. Beliau turut berkongsi pengalaman kerjasama antara agensi-agensi atau pihak yang terlibat dalam bidang kepakaran yang sama kerana kerjasama seperti ini sangat penting dan ia akan memacu visi dan misi agensi khususnya. Beliau turut mengharapkan agar hubungan baik antara agensi kerajaan seperti Jabatan Muzium Malaysia, PERHILITAN, FRIM, Jabatan Laut dan sebagainya yang seiring matlamatnya untuk memelihara khazanah flora dan fauna negara agar terus dapat dipertingkatkan supaya khazanah ini dapat kita pertahankan dan dipelihara untuk manfaat generasi kini dan akan datang.

Pengenalan kepada Spesimen Biologi pula telah dikendalikan oleh Puan Azwarina Binti Mohd Azmi Ramasamy, Kurator RRC bagi koleksi marin di UMT. Beliau berpengalaman luas dalam kerja-kerja penyediaan resin bermula dari tahun 2006 lagi. Beliau telah menerangkan cara-cara persediaan sampel biologi yang akan digunakan perlu kering sama ada dijemur, dikeringkan, diawet dan dihidrasi sebelum disadur dengan resin. Menurut beliau jenis sampel yang digunakan tiada had dan boleh diaplikasikan ke atas jenis tumbuhan, ikan, katak dan sampel eksoskeleton seperti lipan, udang, semut dan kumbang. Menurut beliau resin diperolehi dari bahan semulajadi dan bahan sintetik, bersifat likat dan keras bila dibancuh dan mudah terbakar. Resin biasanya larut dalam alkohol tetapi tidak larut di dalam air. Resin digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang industri pembuatan polimer seperti penghasilan varnis, bahan pelekat dan agen pelicauan makanan, perhiasan dan lain-



lain. Manakala resin semulajadi terhasil dari rembesan hidrokarbon kebanyakannya tumbuhan terutama dari pokok konifer. Resin juga boleh dianggap sebagai getah yang dirembeskan oleh pokok. Resin fosil daripada pokok kuno membentuk amber. Resin semulajadi bernilai sebagai sumber bahan mentah untuk sintesis organik seperti yang digunakan dalam penghasilan minyak wangi dan sebagainya. Terdapat pelbagai jenis resin dalam pasaran tempatan antaranya ialah plastik resin, *polyester resin*, *acrylic resin*, *casting resin* dan lain-lain. Bagi kursus Penyediaan Spesimen Biologi kali ini, jenis resin yang digunakan adalah *acrylic resin (clear epoxy resin)*.

# Legasi Gasing Pangkah

Oleh Muhamad Faiz bin Azizan, Bahagian Pengurusan Konservasi


**S**elangit gasing berputar sepantas itulah masa berlalu merubah zaman. Dunia berteknologi canggih menjarah keserata dunia merasuk jiwa-jiwa generasi baru. Tempiasnya semakin parah bila banyak aktiviti-aktiviti sosial tradisional semakin kurang diraikan atau dimainkan untuk mengisi masa-masa riadah, mereka lebih gemar melayari alam maya dari menyelusuri realiti. Namun generasi terdahulu masih kekal dengan ideologi mereka memastikan sesuatu seni itu tidak padam dan sentiasa dihayati.

Tatkala era digital semakin lebar menjelajah ke pantai timur tanah air, sebuah kampung di daerah Kuala Nerus, Terengganu masih selesa berlapik dengan tradisi kehidupan bermasyarakat di kawasan tersebut. Berpegang pada tali ukhuwah kampung Tepoh masih kekal dengan permainan tradisional iaitu Gasing Pangkah atau gasing leper. Mereka sedikit pun seakan tidak terkesan dengan perkembangan pesat teknologi, bukan mendakkan kewujudan teknologi Cuma menggarap sedikit untuk sekadar memahami keperluannya dalam kehidupan seharian.

Nama beliau mungkin tidak gah seperti artis, atlit atau tokoh-tokoh besar di Terengganu. Namun hasil air tangan beliau menjadi buahan di Daerah Kuala Nerus yang merupakan satu-satunya daerah di Negeri Terengganu yang masih bangga memainkan permainan tradisi Gasing Pangkah secara serius. Lengkap berpasukan dengan 25 orang ahli yang sudah mahir dengan tugas yang diberikan.

Pak Mokhtar atau lebih disantuni sebagai "Pok Ta" berusia 67 tahun, aktif membuat Gasing pangkah sejak





25 tahun yang lalu. Biasanya beliau akan menggunakan kayu pokok penaga untuk menghasilkan gasing dan talinya diperbuat dari kulit pokok terap. Ketelitian beliau dalam menghasilkan gasing yang ditempah sangat dikagumi oleh peminat gasing. Beliau akan memastikan setiap hasil tangan beliau kemas dan yang penting mampu berputar lama.

Dengan kudrat yang ada beliau terus membentuk bongkah-bongkah kayu menjadi gasing. Menggunakan bantuan mesin moden dan mesin ciptaan sendiri, beliau akan memastikan hasil tangannya tidak mengecewakan setiap pihak. Setiap gasing yang ditempah beharga sekitar RM200. Namun setimpalkah nilai tersebut jika dibandingkan dengan cerita legasi yang semakin lenyap ini?

Tidak memerlukan bilik khas sebagai bengkel, cukup sekadar kawasan halaman rumah untuk beliau menzahirkan karya tradisi yang semakin lenyap ditelan zaman. Kawasan sekitar yang damai dan hijau serta alunan buni alam menjadi lagu menusuk merdu ke rongga telinga. Mungkin beliau mahukan suasana santai dan memudahkan rakan-rakan datang mengunjungi beliau menyiapkan gasing yang ditempah. Beliau mampu menyiapkan satu gasing yang baik dalam masa 3 hari.

Ada harinya Pok Ta suka turun ke gelanggang melihat gasing hasil tangan beliau dimainkan oleh rakan-rakan seperjuangan. Kehadiran susuk tua ini sentiasa disenangi oleh semua generasi, disulam dengan gelak tawa meruahkan suasana sekitar. Pada saat ini juga Pok Ta kadangkala seakan hanyut dalam memori silam beliau. Segelas teh panas pembasah tekak sudah cukup melegakan beliau, setelah seharian menyiapkan gasing-gasing.

Tali terap dililit kemas dari atas kepala ke sempadan beni. Lilitan mesti ketat agar tidak terlucut ketika proses memusing dibuat. Biasanya tali terap akan di sapu "nisang" dengan sabut kelapa hingga ke hujung

tali untuk memastikan tali memegang satu sama lain ketika melilit gasing. Badan gasing pula akan dituang minyak untuk melicinkan dan melancarkan proses "musing". Usai "musing" kayu napeh akan mengangkat gasing dari tanah dan dipindahkan ke pinggan. Pada masa ini Pok Ta akan melihat keadaan gasing-gasing ini berpusing dan akan dicatat setiap masa selama sehingga gasing berhenti berpusing.

Istimewanya permainan gasing di Kampung Tepoh ini masih mampu menarik perhatian generasi kini. Mereka bukan sahaja tahu bermain tetapi faham proses-proses yang perlu dilakukan sebelum dan selepas permainan tersebut. Ini menandakan permainan gasing pangkah di Kampung Tepoh, Kuala Neris di negeri Terengganu ini masih panjang hayatnya. Cuma persoalannya siapakah yang mampu menjadi penerus legasi gasing pangkah Pok Ta?

Setakat ini generasi baru di Kampung Tepoh masih peduli dan sayang dengan warisan tradisi ini. Mereka riuh tertawa menggulung gasing pangkah, bersorak dan terkadang seakan menari tiap kali memangkah gasing pihak lawan. Corak berlibur mereka masih santai dan tenang tanpa gajet moden yang kita anggap dunia tanpa sempadan tapi tanpa sedar menjarakkan hubungan sesama manusia.

Semoga ada pihak yang membuka mata tampil mengangkat kembali permainan gasing ini ketahap yang sepatutnya. Tinggi nilai komersial yang ada pada permainan tradisi ini dan sayang sekiranya dibiarkan begitu sahaja. Jangan nanti bila sudah tiada yang ambil tahu bakat-bakat muda yang boleh disemai bakal hilang begitu sahaja.



Jabatan Muzium Malaysia

# Muzium-Muzium di Bawah JABATAN MUZIUM MALAYSIA

[www.jmm.gov.my](http://www.jmm.gov.my)

## MUZIUM KITA TAMADUN KITA



MUZIUM NEGARA  
KUALA LUMPUR



MUZIUM ADAT  
JELEBU, NEGERI SEMBILAN



MUZIUM DIRAJA  
KUALA LUMPUR



MUZIUM PERAK  
TAIPING PERAK



GALERIA PERDANA,  
LANGKAWI



MUZIUM MATANG,  
PERAK



MUZIUM ARKEOLOGI  
LEMBAH BUJANG, KEDAH



MUZIUM CHIMNEY,  
LABUAN



MUZIUM SENI KRAFT ORANG ASLI,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM SENI BINA MALAYSIA,  
BANDAR HILIR, MELAKA



MUZIUM KOTA KUALA KEDAH,  
KEDAH



MUZIUM KOTA KAYANG,  
PERLIS



MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL,  
SEPANG



MUZIUM KOTA JOHOR LAMA,  
JOHOR



MUZIUM LABUAN,  
LABUAN



MUZIUM ENTIOLOGI DUNIA MELAYU,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM TEKSTIL NEGARA,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM MARIN LABUAN,  
LABUAN



MUZIUM LUKUT,  
NEGERI SEMBILAN

Jabatan Muzium Malaysia

Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur

Tel.: (+603) 2267-1000 / (+603) 2282-6255 Faks: (+603) 2282-6434

[www.jmm.gov.my](http://www.jmm.gov.my)